

# TAHAP PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENURUT PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA

Ajmain@Jimaain Safar<sup>1</sup>  
Ab. Halim Tamuri<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>2</sup>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia

## Suggested Citation:

Safar, A. & Tamuri, A. H. (2011). Tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menurut pentaksiran rakan sebaya in *2nd Internation Conference on Islamic Educatioan 2011*, on 19th – 21st, December, 2011 at Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, Selangor and organized by Association of Malaysian Muslim Intellectuals, p. 59-71. ISBN: 978-967-10160-2-2.

## ABSTRACT

Abstrak: Kertas kcija ini bertujuan untuk mclihat penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar Islam Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Negeri Johor mengikut pentaksiran oleh rakan sebaya. Bagi memenuhi objektif kajian ini, instrumen yang mengandungi 7 konstruk akhlak yang terdiri daripada konstruk akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam sekitar dan akhlak terhadap negara yang mengandungi 167 item telah dibentuk. Penilai setiap responden telah dilakukan oleh dua orang rakan sebaya yang ditentukan oleh guru. Seramai 874 responden terlibat sebagai pentaksir dan 437 responden yang dinilai. Indeks kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dengan indeks kebolehpercayaan item 0.99 dan indeks kebolehpercayaan person pula 0.99. Hasil kajian mendapati tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Johor herada di tahap baik hingga ke atas seramai 336 orang (76.9%); dan tahap lemah hingga ke bawah seramai 101 orang (23.1%). Daripada jumlah tersebut, pencapaian responden perempuan pada tahap baik dan ke atas seramai 82.9% lebih baik berbanding pencapaian responden lelaki seramai 70.1% berada pada tahap baik dan ke atas. Analisis juga menunjukkan responden bersekolah di kawasan bandar memiliki aras pencapaian baik dan ke atas lebih tinggi iaitu 81.5% berbanding lokasi sekolah di luar bandar seramai 73.5%. Daripada 167 item instrumen yang digunakan, terdapat 4.8% daripadanya merupakan elemen akhlak yang paling sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya dan hanya 47% daripada keseluruhan item di dalam 7 kontrak, mudah dilaksanakan oleh rakan sebaya.

## REFERENCES

- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi. 2006. Minhajul Muslim Konsep Hidup Ideal Dalam Islam. Terj. Musthofa Aini, Amir Hamzah Fachrudin & Kholif Mutaqin. Jakarta: Pustaka Darul Haq.
- Ahmad Amin. 1974. Kitab al-Akhlaq. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy.
- Aiken, L.R. 2000. Psychological Testing and Assessment (Eight Ed.). Boston: Allyn and Bacon
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. Al-Munqidh min al-Dalal. Terjemahan Inggeris oleh R. Mc Carthy. Freedom and fulfilment. Boston: twayner Publisher.

- Al-Hasyimi, Muhammad Ali. 2007. Keperibadian seorang Muslim. Terj. Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Al-Kaysi, Marwan Ibrahim. 2000. Morals and manners in Islam. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Akbariah Mohd Mahdzir. 2009. Penerokaart ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis Malaysia dan model pemikiran kritis Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azma Mahmood. 2006. Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian. 2008. [h11p://www.bharian.com.m\7Cvrrrent News/BH/Wednesday/Mutakhir/2008i029i44024/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/7Cvrrrent%20News/BH/Wednesday/Mutakhir/2008i029i44024/Article/index_html)
- Cohen, R.J. & Swerdlik, M.E. 2002. Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement. Ed.ke-5. Boston: Mcgraw-Hill.
- Darraz, Muhammad Abdullah. 1987. Prinsip akhlak berdasarkan al-Quran. Teij. Mohd Sulaiman Yasin, Abdul Fatah Ibrahim, W.Amna W. Yaacob dan Fadhilah A. Halim & Muhamad A. Shahbudin 1999. Asas-asas Pembentukan Akhlak Mulia. Jahabersa: Johor Bahru.
- Fadhilah A. Halim & Muhamad A. Shahbudin 1999. Asas-asas Pembentukan Akhlak Mulia. Jahabersa: Johor Bahru.
- Fathi Yakan. 1992. Apa erti saya menganut Islam. Terj. Alias Othman. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Fuad bin Abdul Aziz asy-Syalhub. 2007. Fiqh Adab. Terj. Abu Zakaria. Jakarta: Penerbit Griya Ilmu.
- Ibn Qudamah, Ab. Muhammad Abdullah bin Ahmad. 1985. Al-Mughni 11 Vols, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mohamed Zin. 2007. Membina dan mengesahkan instrumen Pentaksiran Kecerdasan Pelbagai. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Jasmi, Kamarul Azmi & Mohd Saleh, Siti Fauziayani. 2007. Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang. Skudai, Johor:Penerbit UTM Press
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.
- Misnan Jemali. 2008. Amalan Pengajaran Guru dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah. Tesis Ph.D Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad al-Ghazali. 2005. Akhlak seorang muslim. Terj. Kuala Lumpur: VictoryAgencie.
- Mohd Arip Kasmu. 1998. Pembangunan akhlak pelajar di sekolah agama. Jurnal Pendidikan, Jil. 23, Mei; 119-127.
- Mohd Najib Ghafar. 2003. Reka Bentuk Tinjauan: Soal Selidik Penyelidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir bin Omar. 2005. Akhlak dan Kaunseling Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ridwan Asy-Syirbaany. 2001. Membentuk Peribadi Lebih Islami (Satu Kajian Akhlak). Jakarta: PT Intimedia Cip-tanusantara.
- Zaharah Hussin. 2008. Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan pendidikan Islam. Tesis Ph.D UKM Bangi.



## **TAHAP PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENURUT PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA**

Ajmain@Jimaain Safar  
Ab. Halim Tamuri

**Abstrak:** Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar Islam Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Negeri Johor mengikut pentaksiran oleh rakan sebaya. Bagi memenuhi objektif kajian ini, instrumen yang mengandungi 7 konstruk akhlak yang terdiri daripada konstruk akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam sekitar dan akhlak terhadap negara yang mengandungi 167 item telah dibentuk. Penilai setiap responden telah dilakukan oleh dua orang rakan sebaya yang ditentukan oleh guru. Seramai 874 responden terlibat sebagai pentaksir dan 437 responden yang dinilai. Indeks kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dengan indeks kebolehpercayaan item 0.99 dan indeks kebolehpercayaan person pula 0.99. Hasil kajian mendapati tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Johor berada di tahap baik hingga ke atas seramai 336 orang (76.9%); dan tahap lemah hingga ke bawah seramai 101 orang (23.1%). Daripada jumlah tersebut, pencapaian responden perempuan pada tahap baik dan ke atas seramai 82.9% lebih baik berbanding pencapaian responden lelaki seramai 70.1% berada pada tahap baik dan ke atas. Analisis juga menunjukkan responden bersekolah di kawasan bandar memiliki aras pencapaian baik dan ke atas lebih tinggi iaitu 81.5% berbanding lokasi sekolah di luar bandar seramai 73.5%. Daripada 167 item instrumen yang digunakan, terdapat 4.8% daripadanya merupakan elemen akhlak yang paling sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya dan hanya 47% daripada keseluruhan item di dalam 7 konstruk, mudah dilaksanakan oleh rakan sebaya.

### **PENDAHULUAN**

Kedudukan dan kemuliaan seseorang diukur dengan taqwanya. Ketaqwaan seseorang terpapar pada akhlaknya. Akhlak seseorang itu merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup (Mohd Nasir, 2005). Akhlak yang sempurna seperti mana yang ditunjukkan oleh Rasulullah. Rasulullah diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia (Riwayat Bukhari no 8279). Mukmin yang paling sempurna adalah yang paling baik akhlaknya (Riwayat Muslim no 2553). Akhlak yang baik boleh dilihat kepada perlakuan yang biasa dilakukan oleh seseorang sama ada yang berhubung dengan akhlaknya terhadap Allah, Rasul, dirinya sendiri, akhlak terhadap sesama manusia, alam sekitar mahupun akhlak terhadap negara.

## LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Akhlak yang sempurna merupakan aset yang sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Akhlak boleh menjadi kriteria penentu status seseorang, sama ada ia seorang yang baik dan beriman atau sebaliknya. Menurut Al-Ghazali (1997), manusia boleh menjadi lebih mulia atau sebaliknya boleh menjadi lebih hina daripada insan lain disebabkan akhlak. Akhlak juga boleh menjadi penyebab kepada kelemahan dan keruntuhan sesuatu umat dan tamadun manusia. Hakikat ini dapat difahami melalui maksud ayat 117 surah Hud:

*"Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduknya orang-orang yang berbuat kebaikan (berakhlak mulia)"*

Pentingnya akhlak kerana ia menjadi inti pati penghayatan dan pengamalan Islam. Fadhilah & Muhamad (1999) menyatakan bahawa akhlak mulialah yang menjadi penentu sama ada Islam itu diamalkan dan dihayati dengan sebenarnya atau tidak. Menurut Muhammad al-Ghazali (2005), akhlak dan budi pekerti menempati kedudukan tertinggi dalam agama Allah. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Fathi Yakan (1992) bahawa akhlak mulia itu adalah intipati bagi segala ibadat. Tanpa akhlak ibadat hanyalah adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai dan faedah.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam al-Tirmidzi, Sunan al-Tirmidzi, Jld 3 No 2070 bermaksud:

*"Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan (pada hari akhirat) selain dari akhlak yang mulia"*

Namun begitu, sejauh mana penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah sering kali menjadi persoalan masyarakat. Walaupun usaha meningkatkan pencapaian akhlak pelajar dilakukan namun tahap keruntuhan akhlak masih membimbangkan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) merekodkan pelbagai kesalahan salah laku disiplin oleh pelajar sekolah sepanjang 2007. Sebanyak tujuh jenis pelanggaran disiplin yang sering dilakukan. Pelanggaran disiplin yang paling ramai melibatkan kelakuan kurang sopan sebanyak 23,220 kes. Perlakuan ponteng sekolah melibatkan 21,060 kes, kelakuan berunsur jenayah sebanyak 18,900, tidak pentingkan masa seperti lewat ke sekolah sebanyak 18,360, kenakalan remaja sebanyak 8,640, kesalahan laku musnah seperti merosakkan kemudahan awam sebanyak 3,240 kes, dan kes salah laku disiplin berunsur kelucahan sebanyak 2,700.

Walaupun jumlah kes pelanggaran disiplin pelajar di negara ini jauh lebih rendah berbanding negara lain, Kementerian Pelajaran Malaysia tetap menganggap ia sebagai isu yang perlu ditangani secara serius (KPM, 2008). Hal ini merupakan antara indikator kepada keruntuhan akhlak pelajar. Masalah keruntuhan akhlak

remaja semakin parah (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Sehubungan dengan itu seringkali dipaparkan dalam dada akhbar dengan kisah keruntuhan akhlak pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan yang melibatkan alatan tajam, dadah, pil khayal dan pergaulan bebas (Zaharah 2008). Ini menyumbang kepada kegawatan gejala sosial yang semakin membimbangkan. Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan sebanyak 252,411 Sijil Kelahiran yang didaftarkan tanpa dicatatkan nama bapa bermula Januari 2000 sehingga Julai 2008 (Berita Harian 2008). Mereka ini adalah anak-anak tidak sah taraf iaitu anak luar nikah selaras dengan peruntukan Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Pelbagai jenis keruntuhan akhlak dipaparkan di dada-dada akhbar, namun begitu tidak terdapat satu kayu ukur yang digunakan bagi menggambarkan tahap pencapaian akhlak pelajar di Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan dapatan kajian tahap pencapaian akhlak pelajar menggunakan instrumen IPAM-RS (Instrumen Pentaksiran Akhlak Malaysia – Rakan Sebaya) berdasarkan 7 konstruk akhlak iaitu konstruk akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam sekitar dan akhlak terhadap negara melalui penilaian rakan sebaya.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan akhlak pelajar berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan jenis sekolah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dilakukan melalui kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama bagi melihat tahap penghayatan akhlak pelajar. Responden melibatkan pelajar tingkatan empat dan mereka ditaksir oleh rakan sebaya di tingkatan yang sama. Pemilihan pelajar tingkatan empat untuk menyertai penyelidikan ini dibuat berdasarkan tahap kematangan umur baligh (melebihi 15 tahun) yang ditentukan sebagai had umur bagi memikul tanggungjawab syariat (Abdullah Nasih Ulwan, 1989, Ibn Qudamah, 1985). Pelajar-pelajar tingkatan empat yang telah akil baligh diandaikan mampu menilai di antara perkara yang baik dan buruk (Misnan 2008). Pelajar tingkatan empat juga dikenal pasti telah mengikuti proses pembelajaran adab dan akhlak melalui kurikulum KBSR dan KBSM selama sembilan tahun dan diandaikan mampu menghayati aspek penghayatan adab dan akhlak yang telah mereka peroleh melalui kurikulum Pendidikan Islam.

Setiap responden ditaksir oleh dua orang rakan sebaya yang berada di tingkatan yang sama, sesama jantina serta telah mengenali rakan yang ditaksir sekurang-kurangnya enam bulan. Pemilihan dua orang pentaksir yang ditentukan oleh guru adalah bertujuan untuk mengelakkan faktor bias berlaku. Elton dan Johnston (2002) mencadangkan pentaksiran menggunakan dua orang penilai untuk setiap seorang atau menggunakan multiple penilai bagi mengurangkan pentaksiran rakan sebaya yang tidak adil.

Skop penghayatan akhlak dibataskan kepada aspek sifat dan tingkah laku luaran akhlak muslim ketika berinteraksi dengan rakan sebaya, seperti yang digariskan secara asasnya oleh al-Quran dan al-Sunnah yang bersesuaian dengan tahap dan konteks pelajar sekolah menengah.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat di 17 buah sekolah daripada lima daerah di negeri Johor menggunakan kaedah berstrata. Seramai 874 orang penilai dimana setiap dua orang akan menilai seorang serta 437 orang pula adalah responden yang dinilai.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini adalah kajian lapangan yang melibatkan pengumpulan data melalui kaedah soal selidik menggunakan instrumen IPAM-RS. Analisis data kuantitatif menggunakan Winstep 3.68.2.

### **Instrumen**

Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen IPAM-RS (Instrumen Pentaksiran Akhlak Malaysia – Rakan Sebaya) yang dibentuk terdiri daripada 7 konstruk akhlak dengan 167 item. Konstruk dibentuk berdasarkan klasifikasi akhlak oleh Muhammad Abdullah Darraz (1947) disamping mengambil kira kandungan sukatan adab dan akhlak Islamiah KBSR dan KBSM. Instrumen yang dihasilkan ini juga adalah hasil temubual mendalam 4 orang pakar bidang yang dikenal pasti sebagai pakar kandungan akhlak dan 6 orang pakar praktis yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam yang telah lebih 10 tahun dalam bidang berkenaan dan telah dianggap sebagai pakar dalam bidang ini oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia merangkumi pembabitan mereka di dalam penulisan atau pengajaran (Akbariah 2009). Hasil pemeriksaan terhadap item konstruk menggunakan model pengukuran Rasch melalui uji dan uji semula, sebanyak 167 item telah digunakan bagi mengukur akhlak pelajar oleh rakan sebaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 item untuk konstruk akhlak terhadap Allah, 5 item untuk konstruk akhlak terhadap Rasul, 52 item untuk konstruk akhlak terhadap diri, 10 item untuk konstruk akhlak terhadap keluarga, 33 item untuk konstruk akhlak terhadap masyarakat, 17 item untuk konstruk akhlak terhadap alam sekitar dan 16 item untuk konstruk akhlak terhadap negara.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi dalam kajian ini, beberapa pemerhatian dapat disimpulkan.

### Demografi Sampel

Jumlah responden yang menjadi penilai ialah 874 dengan 408 (47%) terdiri daripada responden lelaki dan seramai 466 (53%) adalah responden perempuan. Jumlah responden yang dinilai pula keseluruhannya seramai 437. Daripada jumlah tersebut, seramai 204 (47%) responden lelaki dan 233 (53%) responden perempuan.

Jadual 1. Demografi Responden Penilai & Dinilai

Jantina	Penilai		Dinilai	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Lelaki	408	47%	204	47%
Perempuan	466	53%	233	53%
JUMLAH	874	100%	437	100%

Bilangan responden mengikut jenis sekolah pula diperincikan seperti dalam Jadual 2. Daripada jumlah tersebut, seramai 26 (3%) mewakili Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, 60 (6.9%) mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, 60 (6.9%) mewakili Sekolah Vokesional, 92 (10.5%) mewakili Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan 636 (72.7%) mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan.

Jadual 2 Responden Berasaskan Jenis Sekolah

Jenis sekolah	Frekuensi	Peratus
SABK	26	3.0%
SMKA	60	6.9%
SMV	60	6.9%
SBP	92	10.5%
SMK	636	72.7%
JUMLAH	874	100%

### Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Indeks kebolehpercayaan keseluruhan 167 item IPAM-RS untuk kajian ini adalah 0.99 ditunjukkan dalam Jadual 3. Ia menunjukkan kebolehpercayaan item adalah tinggi dengan jumlah item soalan mencukupi untuk mengukur akhlak pelajar. Ini bermakna item adalah stabil dan konsisten sekiranya diulang uji dengan menggunakan responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama atau hampir sama. Nilai Alpha Cronbach juga tinggi iaitu 0.99 menunjukkan bahawa instrumen ini memiliki kebolehpercayaan yang amat tinggi untuk mengukur akhlak pelajar.

Jadual 3 Kebolehpercayaan Item Terhadap Instrumen IPAM-RS

## SUMMARY OF 167 MEASURED ITEMS

	RAW		MODEL	INFIT	OUTFIT				
	SCORE	COUNT	MEASURE	ERROR	MNSQ	ZSTD	MNSQ	ZSTD	
MEAN	3500.1	874.0	.00	.05	1.00	-.1	1.00	.0	
S.D.	269.1	.0	.60	.01	.04	.9	.06	1.0	
MAX.	4305.0	874.0	1.30	.12	1.17	3.5	1.31	4.7	
MIN.	2684.0	874.0	-2.11	.05	.90	-2.4	.78	-2.0	
REAL RMSE	.05	ADJ.SD	.59	SEPARATION	11.17	ITEM	RELIABILITY	.99	
MODEL RMSE	.05	ADJ.SD	.59	SEPARATION	11.26	ITEM	RELIABILITY	.99	
S.E. OF ITEM MEAN	= .05								

UMEAN=.000 USCALE=1.000

ITEM RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = -.79

145958 DATA POINTS. LOG-LIKELIHOOD CHI-SQUARE: 271663.10 with 144566 d.f.

p=.0000

CRONBACH ALPHA (KR-20) PERSON RAW SCORE RELIABILITY = .99

### Profil Akhlak Pelajar Sekolah Menengah


Sebelum diperoleh peta item-orang, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan mean persetujuan penilaian dua rakan sebaya bagi setiap item. Selepas itu, analisis peta item-orang dilaksanakan untuk melihat aras pencapaian akhlak. Min kaliberasi item dan kebolehan responden berada pada skala yang menampong skor calon dan skor item yang boleh dihubungkan secara langsung dengan keupayaan. 0 hingga +2 logit berkebolehan baik dan 0 sehingga -2 logit berkebolehan rendah. Jadual 4 menunjukkan tahap pencapaian akhlak pelajar mengikut rakan sebaya. Daripada 437 responden yang dinilai, seramai 25 orang yang terdiri daripada 7 lelaki dan 18 perempuan tergolong di dalam pelajar yang amat cemerlang pencapaian akhlaknya melebihi +4 logit. Responden rakan sebaya yang paling cemerlang pencapaian akhlaknya adalah bernombor 62 daripada Sekolah Menengah Sains Muar yang merupakan seorang pelajar lelaki.



Jadual 4 Peta Item-Orang Pencapaian Tahap Akhlak

TABLE 16.3 C:\Users\User\Desktop\Analisis akhir 2 ZOU324WS.TXT Sep 20 8:23 2011  
INPUT: 437 PERSONS 167 ITEMS MEASURED: 437 PERSONS 167 ITEMS 661 CATS 3.68.2

ITEMS - MAP - PERSONS		
	<rare> <more>	
6	+   62 41124   130 72132   51 22211	25 (5.7%) responden terdiri 18 perempuan dan 7 lelaki amat cemerlang akhlak
5	+ 50 22211   119 72132 187 102211 396 212113   T 16 12214 42 22211 177 91124 334 182113   2 11214 195 102211 234 112212 261 122155	
4	+ 8 11214 18 12211 20 12211 46 22213 55 41124 63 41124 108 71132 270 142213 326 182112 388 212112	
	27 22211 185 102211 384 211113 394 212112 408 212111   1 11211 21 12214 25 11213 26 22211 28 21211 43 22211 111 71132 172 92124 216 111212 223 111212 280 142211 390 211112 399 212112 403 211111	121 (27.7%) responden terdiri 76 perempuan dan 45 lelaki
3	+ 19 12211 22 11211 41 22211 269 142211 282 142213 283 142211 335 182112 387 212113 389 211113 426 222213 + 24 12211 39 21213 48 22213 70 42121 128 72132 235 112213 293 151211 321 181112 338 182111 385 212111 386 212112 393 211112 S 10 11214 15 12211 17 12211 36 21213 37 21213 49 22213 53 41121 178 91121 217 112212 218 112212 225 111213 290 142211 322 181113 340 182112 372 201263 381 202263 404 212112 406 212113 407 212112 424 222211	
	#   5 11214 11 12211 44 22211 45 22211 47 22213 54 41121 57 42121 122 72132 127 72132 179 91121 243 121155 299 152213 330 181112 336 182112 376 201263 391 211112 395 212111 397 212112 400 212113 420 221213 433 222211	
	#   71 42121 87 51111 97 52111 102 72133 107 72133 151 82213 165 92121 175 91124 186 102213 193 102211 228 112213 240 121155 242 121155 245 121155 279 142211 289 142211 291 142211 362 192215 401 212113	
2	# T+ 7 11214 23 12214 33 21213 58 42121 81 51111 128 72132 153 82213 184 91121 194 102211 213 111213 238 121155 246 121155 267 141213 272 142211 300 152211 323 182113 371 201263 398 212113 405 212112 429 222213	
	9 11214 13 12211 40 21213 110 72132 120 71132 121 72132 162 91124 189 102211 203 101213 220 112211 224 111213 258 122155 263 122155 268 141213 281 142213 286 142213 294 152211 306 151212 311 152212 313 152212 409 212112 418 221213 427 222213 432 222213	190 (43.5%) responden terdiri 99 perempuan dan 91 lelaki baik akhlak
	.#   14 12214 98 52111 118 71132 124 71132 131 81213 137 81213 149 81213 157 92124 160 91124 163 92121 167 91121 222 111213 229 112211 230 112212 233 112212 288 142213 298 151212 310 152211 316 152211 377 201263 380 202263 430 221213 435 222211	
	##   M 4 11214 6 11214 12 12211 32 21213 79 51111 103 72133 105 71133 114 72132 204 101211 248 121155 255 122154 275 141211 295 151212 296 151212 301 151211 305 151211 307 152212 308 151212 315 152213 320 181112 325 182112 367 192215 379 202263 382 202263 392 211111 411 222211 413 221213 428 222213 434 222213 437 222213	
1	##### S+ 34 21213 76 52111 83 51111 92 52111 116 71132 125 71132	



Seramai 121 (27.7%) responden rakan sebaya berada di aras pencapaian cemerlang melebihi +2 logit dengan 76 responden rakan sebaya perempuan dan 45 responden rakan sebaya lelaki. Bagi tahap pencapaian baik, seramai 190 (43.5%) responden rakan sebaya dengan bilangan perempuan seramai 99 dan lelaki seramai 91 orang. Bagi kategori pencapaian lemah, seramai 99 (22.6%) responden terdiri daripada 39 perempuan dan 60 lelaki. Terdapat dua orang responden (0.5%) dalam kedudukan pencapaian amat lemah akhlak mereka yang

terdiri daripada seorang perempuan bernombor 148 daripada SMK Layang-layang Kluang dan seorang lelaki daripada SMK LKTP Felda Ulu Belitong Kluang. Gambaran keseluruhan tahap pencapaian akhlak pelajar sekolah menengah dapat dilihat daripada Jadual 4.

Jadual 5 menunjukkan pencapaian akhlak responden rakan sebaya mengikut jantina dengan peratusan mean lelaki yang amat cemerlang melebihi + 4 logit 7 orang (3.4%) berbanding perempuan seramai 18 orang (7.7%). Sementara itu pencapaian mean cemerlang di antara +2 logit hingga + 4 logit adalah seramai 45 (22.1%) lelaki berbanding dengan 76 (32.6%) perempuan. Bagi pencapaian aras baik pula logit antara 0 hingga 2, responden rakan sebaya lelaki 91 (44.6%) iaitu lebih ramai berbanding perempuan 99 (42.6%). Walau bagaimanapun untuk aras pencapaian lemah 0 hingga -2 logit, bilangan lelaki 60 (29.4%) iaitu lebih ramai berbanding perempuan 39 (16.7%).

Jadual 5 Aras Pencapaian Akhlak Responden Rakan Sebaya Mengikut Jantina

Pencapaian	Lelaki		Perempuan	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Amat Cemerlang	7	3.4%	18	7.7 %
Cemerlang	45	22.1%	76	32.6 %
Baik	91	44.6%	99	42.6 %
Lemah	60	29.4%	39	16.7 %
Sangat Lemah	1	0.5%	1	0.4 %
Jumlah	204	100%	233	100%

Jadual 6 menunjukkan pencapaian akhlak responden rakan sebaya mengikut lokasi sekolah dimana secara keseluruhan peratus aras pencapaian akhlak responden rakan sebaya sekolah-sekolah bandar lebih tinggi iaitu pencapaian aras amat cemerlang sekolah kawasan bandar seramai 12 (6.5%) berbanding luar bandar seramai 13 (5.1%). Aras pencapaian cemerlang bagi sekolah-sekolah di kawasan bandar seramai 57 (31%) berbanding responden rakan sebaya sekolah kawasan luar bandar 64 (25.3%). Begitu juga dari segi aras pencapaian baik, responden rakan sebaya sekolah-sekolah bandar seramai 81 (44%) berbanding responden kawasan luar bandar dengan 109 (43.1%). Sementara itu responden rakan sebaya kawasan bandar menunjukkan bilangan yang rendah bagi pencapaian aras lemah iaitu 34 (18.5%) berbanding dengan responden rakan sebaya kawasan luar bandar iaitu seramai 65 (25.7%) dan tidak ada responden rakan sebaya yang memiliki aras pencapaian amat lemah bagi responden rakan sebaya sekolah di kawasan bandar berbanding terdapat 2 orang responden rakan sebaya bagi sekolah di kawasan luar bandar.

Jadual 6 Aras Pencapaian Akhlak Responden Rakan Sebaya Mengikut Lokasi Sekolah

Pencapaian	Bandar		Luar Bandar	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Amat Cemerlang	12	6.5%	13	5.1 %
Cemerlang	57	31.0%	64	25.3 %
Baik	81	44.0%	109	43.1 %
Lemah	34	18.5%	65	25.7 %
Sangat Lemah	-		2	0.8 %
Jumlah	184	100%	253	100%

Daripada Jadual 7, analisis menunjukkan aras pencapaian berdasarkan jenis sekolah. Daripada 318 responden rakan sebaya yang ditaksir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), seramai 236 (74.4%) responden rakan sebaya berada pada tahap pencapaian baik hingga amat cemerlang. Analisis menunjukkan seramai 17 (5.3%) memperolehi pencapaian aras amat cemerlang. seramai 92 (29.2%) pula pada aras cemerlang dan jumlah paling tinggi adalah pada aras pencapaian baik iaitu seramai 127 (39.9%). Walau bagaimanapun terdapat sekitar satu perempat daripada jumlah keseluruhan responden rakan sebaya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) iaitu seramai 80 (25.2%) berada pada tahap pencapaian lemah malah terdapat 2 (0.6%) responden rakan sebaya yang dinilai berada pada tahap amat lemah.

Bagi pencapaian Sekolah Berasrama Penuh (SBP), hampir 90 peratus responden rakan sebaya berada pada tahap pencapaian baik hingga amat cemerlang. Daripada jumlah tersebut, 4 (8.9%) responden rakan sebaya berada di aras amat cemerlang, 12 (26.1%) pada aras cemerlang dan 25 (54.2%) pada aras baik. Hanya 5 (10.8%) responden rakan sebaya yang berada pada aras lemah. Peratusan pencapaian yang hampir sama juga dapat dilihat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dimana 90% (27 responden rakan sebaya) berada pada tahap baik hingga amat cemerlang dimana 3 (10%) responden rakan sebaya berada pada tahap amat cemerlang, 7 (23.3%) berada pada tahap cemerlang dan 17 (56.7%) berada pada tahap baik. Hanya 3 (10%) responden rakan sebaya berada pada tahap lemah.

Jadual 7 Aras Pencapaian Akhlak Responden Rakan Sebaya Berdasarkan Jenis Sekolah

Pencapaian	SMK		SBP		SMKA		SMV		SABK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Amat Cemerlang	17	5.3 %	4	8.9%	3	10.0 %	1	3.3%	-	
Cemerlang	92	29.2%	12	26.1%	7	23.3 %	6	20.0%	4	30.8%
Baik	127	39.9%	25	54.2%	17	56.7 %	13	43.3%	8	61.5%
Lemah	80	25.2%	5	10.8%	3	10.0 %	10	33.4%	1	7.7%
Sangat Lemah	2	0.6%	-							
Jumlah	318	100%	46	100%	30	100%	30	100%	13	100%

Sekolah Menengah Vokesyenal (SMV) memperlihatkan tahap pencapaian yang paling rendah dengan hanya 20 (66.6%) responden rakan sebaya berada pada tahap pencapaian baik hingga amat cemerlang. Seramai 1 (3.3%) responden rakan sebaya berada pada tahap amat cemerlang, 6 (20%) pada tahap cemerlang dan 13 (43.3%) pada tahap baik. Jumlah pencapaian lemah responden rakan sebaya SMV berada pada tahap paling tinggi berbanding dengan jenis sekolah lain iaitu seramai 10 (33.4%). Sementara itu bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menunjukkan pencapaian yang agak baik dengan 12 (92.3%) berada pada tahap pencapaian baik dan cemerlang di mana seramai 4 (30.8%) responden rakan sebaya pada tahap pencapaian cemerlang dan 8 (61.5%) berada pada tahap pencapaian baik. Hanya 1 (7.7%) responden rakan sebaya mewakili aras pencapaian lemah.

### PERBINCANGAN

Dari segi latar belakang rakan sebaya responden yang dinilai, secara perbandingannya mendapati bahawa tahap pencapaian akhlak rakan sebaya responden perempuan lebih baik berbanding lelaki. Pencapaian aras baik dan ke atas seramai 82.9% bagi perempuan berbanding aras baik dan ke atas bagi lelaki seramai 70.1%. Dapatan ini menyokong hasil kajian Azhar (2006) bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan antara responden perempuan dengan responden lelaki. Responden perempuan didapati mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding responden lelaki. Dapatan ini juga selari dengan Azma (2006) yang menghasilkan profil konstruk penghayatan akhlak pelajar perempuan di sekolah menengah lebih tinggi berbanding lelaki.

Faktor demografi menunjukkan terdapat perbezaan aras pencapaian akhlak responden rakan sebaya mengikut lokasi sekolah. Lokasi sekolah menengah di bandar menunjukkan aras pencapaian baik dan ke atas lebih tinggi iaitu 81.5% berbanding lokasi sekolah di luar bandar seramai 73.5%. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Azhar (2006) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan akhlak bagi faktor demografi iaitu lokasi sekolah bandar dan luar bandar.

Terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi pencapaian akhlak rakan sebaya responden berdasarkan jenis Sekolah Menengah Kebangsaan harian biasa (SMK), Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dengan Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Bagi SBP, SMKA dan SABK pula mendapati pencapaian akhlak rakan sebaya responden memperlihatkan corak yang hampir sama dengan pencapaian aras baik ke atas menjangkau sekitar 90% ke atas berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) 74.2% dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) hanya seramai 64.6%. Dapatan ini selari dengan kajian Azhar (2006) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan akhlak responden dari pelbagai kategori sekolah menengah. Responden dari sekolah

menengah khas/berasrama penuh dan sekolah menengah agama didapati mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan responden dari sekolah menengah harian biasa.

Faktor latar belakang akademik responden boleh dikaitkan dengan perbezaan fenomena ini. Responden yang memasuki SBP, SMKA dan SABK adalah terdiri dari pelajar-pelajar pilihan khususnya dari segi pencapaian akademik dan kokurikulum. Manakala responden SMK dan SMV terdiri dari pelbagai latar belakang pencapaian akademik dan kokurikulum. Menurut Azhar (2006), faktor pencapaian yang baik dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum secara tidak langsung dikaitkan dengan faktor keperibadian yang baik berbanding dengan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik dan kokurikulum yang lebih rendah.

Rumusan daripada dapatan ini secara tidak langsung boleh memberikan andaian bahawa tahap pencapaian aras akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah mempunyai hubungan yang rapat dengan faktor jantina, lokasi sekolah serta jenis sekolah.

## PENUTUP

Kesimpulannya menunjukkan aras pencapaian akhlak dalam kalangan responden dengan bilangan responden perempuan secara umumnya lebih baik pencapaian akhlak mereka berbanding lelaki. Begitu juga dapatan pencapaian sekolah-sekolah yang mempunyai latar belakang akademik yang baik seperti SBP, SMKA menunjukkan aras pencapaian yang lebih baik berbanding dengan SMK dan SMV.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi. 2006. *Minhajul Muslim Konsep Hidup Ideal Dalam Islam*. Terj. Musthofa Aini, Amir Hamzah Fachrudin & Kholif Mutaqin. Jakarta: Pustaka Darul Haq.
- Ahmad Amin. 1974. *Kitab al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy.
- Aiken, L.R. 2000. *Psychological Testing and Assessment (Eight Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. *Al-Munqidh min al-Dalal*. Terjemahan Inggeris oleh R. Mc Carthy. *Freedom and fulfilment*. Boston: twayner Publisher.
- Al-Hasyimi, Muhammad Ali. 2007. *Keperibadian seorang Muslim*. Terj. Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Al-Kaysi, Marwan Ibrahim. 2000. *Morals and manners in Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

- Akbariah Mohd Mahdzir. 2009. *Penerokaan ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis Malaysia dan model pemikiran kritis Malaysia*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azma Mahmood. 2006. *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian. 2008. [http://www.bharian.com.my/Cyrrrent\\_News/BH/Wednesday/Mutakhir/20081029144024/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/Cyrrrent_News/BH/Wednesday/Mutakhir/20081029144024/Article/index_html)
- Cohen, R.J. & Swerdlik, M.E. 2002. *Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement*. Ed.ke-5. Boston: Mcgraw-Hill.
- Darraz, Muhammad Abdullah. 1987. *Prinsip akhlak berdasarkan al-Quran*. Terj. Mohd Sulaiman Yasin, Abdul Fatah Ibrahim, W.Amna W. Yaacob dan Fadhilah A. Halim & Muhamad A. Shahbudin 1999. *Asas-asas Pembentukan Akhlak Mulia*. Jahabersa: Johor Bahru.
- Fadhilah A. Halim & Muhamad A. Shahbudin 1999. *Asas-asas Pembentukan Akhlak Mulia*. Jahabersa: Johor Bahru.
- Fathi Yakan. 1992. *Apa erti saya menganut Islam*. Terj. Alias Othman. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Fuad bin Abdul Aziz asy-Syalhub. 2007. *Fiqh Adab*. Terj. Abu Zakaria. Jakarta: Penerbit Griya Ilmu.
- Ibn Qudamah, Ab. Muhammad Abdullah bin Ahmad. 1985. *Al-Mughni* 11 Vols, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mohamed Zin. 2007. *Membina dan mengesahkan instrumen Pentaksiran Kecerdasan Pelbagai*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Mohd Salleh. 2007. *Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang*. Skudai:Penerbit UTM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. *Bahagian Pendidikan Islam dan Moral*.
- Misnan Jemali. 2008. *Amalan Pengajaran Guru dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah*. Tesis Ph.D Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad al-Ghazali. 2005. *Akhlak seorang muslim*. Terj. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Mohd Arip Kasmoo. 1998. *Pembangunan akhlak pelajar di sekolah agama*. *Jurnal Pendidikan*, Jil. 23, Mei; 119-127.
- Mohd Najib Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan: Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir bin Omar. 2005. *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ridwan Asy-Syirbaany. 2001. *Membentuk Peribadi Lebih Islami (Satu Kajian Akhlak)*. Jakarta: PT Intimedia Ciptanusantara.
- Zaharah Hussin. 2008. *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan pendidikan Islam*. Tesis Ph.D UKM Bangi.